

KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU DAN KEHORMATAN BANGSA MELAYU TERCEROBOH

Bangsa Asing Maharajalela—Pagar Makan Padi—Hak Melayu Menjadi Korban—UMNO
Bertindak—Apa Perasaan Umat Melayu—Hendak Hidup atau Mati?

Oleh Abham

Bangsa Asing Maharajalela

Kuat tamparan pedih ke muka orang-orang Melayu telah berlaku baharu-baharu ini dengan lawatan Doktor Persil ke Tanah Melayu atas jemputan pertubuhan Malayan Chinese Association (M.C.A) kerana menyiasat hal ehwal kedudukan dan kehendak-kehendak orang-orang Cina di Tanah Melayu ini. Doktor Persil ialah seorang British yang dikatakan ialah penasihat Persatuan Cina Malaya di London atau ialah wakil M.C.A di London. Kedudukannya di London dengan jawatannya itu ialah sebagai wasitah atau perkakas orang-orang Cina Malaya untuk menyampaikan dan menghebahkan perkara-perkara Cina Malaya dan sebarang apa yang dikatakan perkara yang tiada memuaskan hati mereka itu kepada pihak yang berkuasa British di London khasnya dan kepada pengetahuan dunia luar amnya.

Doktor Persil telah melawat ke sini dan telah bertemu dengan pemimpin-pimpinan dan wakil-wakil Cina dan pertubuhan-pertubuhan Cina di seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan dengan demikian telah menerima banyak pengaduan-pengaduan dan tuntutan-tuntutan dari pihak mereka itu ke pihak yang berketanggungan British di sana.

Oleh kerana Doktor Persil telah dijemput ke mari kerana maslahat orang-orang Cina oleh orang-orang Cina itu. Tiadalah mustahak lagi ditanya siapakah Doktor Persil itu kerana telah diketahui kedudukannya di London itu dan perhubungannya dengan orang-orang Cina Tanah Melayu ini. Akan tetapi adalah seperkara yang mustahak disoal sekarang ialah apakah

kena mengena Persil dengan kerajaan British dan apakah kena mengena dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan apakah mustahak lawatannya itu sepanjang yang berkenaan dengan kedua-dua kerajaan itu?

Sementara itu, orang-orang Melayu adalah memandang lawatan Persil bukan sahaja tiada kena mengena di dalam apa perkara dan perhubungan sekalipun bahkan lawatan itu juga adalah semata-mata menceroboh kedaulatan negeri dan raja-raja Melayu serta Inggeris, Putera Bumi.

Kedatangan Persil yang semata-mata kerana faedah satu kaum iaitu kaum Cina di Tanah Melayu bukan kerana am, itu adalah serupa sebagai kemasukkan seorang luar ke dalam sebuah rumah yang bertuan hak dengan tujuan yang tiada baik dan perbuatan itu selain daripada menceroboh adalah akan membawa kerosakan kepada perhubungan dan perasaan berbaik-baik di antara kaum-kaum yang telah ada dengan baik dan sangat dikehendaki dikekalkan sekarang ini.

Perbuatan ini adalah suatu perbuatan yang maharajalela dari pihak bangsa asing yang dilakukan di Tanah Melayu oleh lawatan Persil dan pihak yang berkenaan dengan lawatannya itu. Keburukan lawatan Persil itu adalah serupa dengan keburukan lawatan MacMichael ke Tanah Melayu ini dahulu.

Pada pandangan bangsa Melayu yang kehormatannya tersentuh dan kepalanya terpihak itu orang-orang Melayu tidak redha yang demikian berlaku dan oleh itu adalah memandang perkara ini dengan bertanya. Pagar makan padi?

Berhubung dengan lawatan Persil itu hendaklah diingat

sedikit masa dahulu, orang-orang Cina di Malaya ini telah mendesak kerajaan British supaya menghantar sebuah Suruhanjaya Diraja (Royal Commision) untuk menyiasat hal ehwal orang-orang Cina di Malaya ini yang mendakwakan mereka konon tidak mendapat layanan yang sebaik-baiknya supaya dapatlah mereka mencerahkan segala kehendak dan tuntutan mereka dengan sepuas hati kepadanya.

Akan tetapi dengan kebajikan kerajaan British yang cukup mengetahui hal keadaan di Malaya ini dan kedudukan sesuatu kaum di sini, telah mendapati permintaan pihak Cina itu tidak mustahak.

Perkara ini sudah tentu tidak memuaskan hati pihak Cina. Oleh itu tidaklah hairan manakala orang-orang Cina merujuk Doktor Persil penasihat mereka di London itu.

Akan tetapi seperkara yang sangat menghairankan ialah bagaimana pihak kerajaan British boleh membenarkan seorang yang tiada kena mengena dengan kerajaan British dan dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini juga datang ke Malaya ini atas pekerjaan dan tujuan sebagaimana yang dikehendaki oleh orang-orang Cina itu yang sudahpun ditolak oleh kerajaan British sendiri. Adakah kerajaan British sekarang telah mendapati kehendak orang-orang Cina supaya disiasat keadaan dan kedudukan mereka itu di Malaya ini mustahak? Jika demikian apakah mustahak? Adakah tentang orang-orang Cina itu tidak mendapat layanan yang sebaik-baiknya sebagaimana yang mereka dakwakan itu? Jika berkenaan dengan perkara itu patutlah ditanya tidakkah orang-orang Cina itu telah mendapat hak dan kelebihan-kelebihan yang lebih daripada sepatutnya?

Tidakkah orang-orang Cina sudahpun memegang jawatan-jawatan tinggi yang belum pernah dipegang oleh mereka atau orang-orang Melayu pada masa dahulu. Sekarang ini?

Orang-orang Cina telah mendapat lebih kelebihan di dalam segala hal daripada orang-orang Melayu. Anak negeri Tanah Melayu ini sendiri. Orang-orang Melayu telah banyak beralih dan telah banyak haknya dibukakan kepada bangsa itu dengan adanya taraf

kerakyatan yang diberi kepada bangsa-bangsa asing itu adalah orang-orang Melayu telah mengorbankan hak ketuannya yang sama rata kepada bangsa asing itu. Di sinilah orang-orang Melayu telah melakukan suatu pengorbanan yang besar yang bangsa asing itu patut syukurkan.

Rupanya itu perbuatan orang Melayu beralih dan bertolak ansur itu telah dipandang oleh bangsa asing sebagai suatu kelemahan kepada orang Melayu dan dengan demikian mereka mencuba hendak memajukan sifat mereka yang lazim iaitu diberi betis hendakkan paha.

Pihak kerajaan British masakan tidak sedar dan tidak mengerti di dalam hal ini akan tetapi kedatangan Persil yang diberikan itu adalah membawa pengertian bahawa ada di dalam Persekutuan Tanah Melayu perkara-perkara yang buruk yang menarik perhatian dan berkehendak dibaikki dan Persil itulah orangnya yang akan menjadi orang tengah bagi membaikkinya. Pada hal yang demikian adalah suatu bidasan kepada kerajaan British sendiri.

Orang-orang Melayu adalah di dalam keadaan yang musyik terhadap sikap kerajaan British di dalam hal ini kerajaan British sebagaimana juga kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini. Siagaplah menjalankan perdirian dan sikapnya di dalam hal ini dan menerangkan kedudukan lawatan Persil sepanjang yang berhubung dengan kerajaan masing-masing. Sekiranya yang demikian tidak dibuat haruslah kedudukan kerajaan British di dalam hal ini dipandang sebagai pagar makan padi begitu juga kerajaan persekutuan.

Hak Melayu Menjadi Korban

Di dalam masa sebelum Perang Dunia yang kedua dahulu adalah jawatan pentadbir iaitu Malayan Civil Service adalah dikhaskan kepada orang-orang Melayu dan orang-orang British sahaja di negeri Melayu ini di dalam itupun hanya didapat tidak lebih dari empat puluh dua sahaja orang Melayu yang di dalam jawatan Malayan Civil Service itu pada hal lebih dari dua ratus orang British di dalamnya sekarang

Sebenarnya bukan sahaja di dalam Jabatan Civil Service itu yang didapati anak-anak Melayu terlalu kurang bahkan di dalam lain-lain jawatan yang tinggi di dalam jabatan kerajaan pun tiada banyak anak-anak Melayu yang beroleh peluang didalamnya. Di negeri-negeri Selat, seperti Pulau Pinang dan Melaka yang sekarang ini adalah termasuk di dalam Persekutuan Tanah Melayu itu. Anak-anak Melayu boleh dikatakan tiada ada sama sekali yang beroleh peluang menjawat jawatan yang tinggi-tinggi sebagai di dalam jawatan Civil Service itupun sebagai ketua-ketua jabatan kerajaan.

Di dalam masa yang sepatutnya anak-anak Melayu itu diberi seluas-luas peluang didalam jabatan pentadbir itu, sekarang ini, adalah pula didapati gerakan-gerakan dari bangsa asing hendak menuntut sama sekali peluang-peluang itu kepada orang-orang Melayu.

Baharu-baharu ini di dalam majlis mesyuarat undangan Persekutuan Tanah Melayu seorang wakil Cina telah mendesak kerajaan supaya membuka peluang dengan seluas-luasnya di dalam jabatan pentadbir iaitu jabatan Malayan Civil Service itu kepada segala bangsa, dengan tidak dikhaskan kepada bangsa Melayu dan British sahaja.

Sungguhpun perkara ini adalah bergantung kepada persetujuan Raja-raja Melayu dan perkara ini, adalah dikatakan sedang diserahkan kepada timbalan Raja-raja Melayu akan tetapi adalah dikuatir; memandang kepada dasar kerajaan British yang nampaknya sentiasa berat kepada meluaskan kehendak-kehendak bangsa Cina kerana hendak mengambil hati mereka itu untuk mendapat kerjasama bangsa itu dalam perjuangan melawan penjahat-penjahat komunis dan menghapuskan darurat ini, harus kehendak-kehendak ini terlulus, sama ada dikehendaki atau tidak oleh Raja-raja dan umat Melayu. Inilah yang sangat dibimbang oleh orang-orang Melayu. Dengan terlulusnya tuntutan orang-orang Cina itu didalam perkara ini kelak, tiadalah ada lagi suatu hak yang tertentu bagi orang-orang Melayu di negerinya sendiri ini, manakala jabatan pentadbir itulah jua yang tertinggal di dalam hak siasah bagi orang-orang Melayu itu hari ini, sebagai hak ketuanan.

Di dalam hal ini, sebagaimana dahulu si kedudukan kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu itu, kedudukan kedua-dua kerajaan itu sekarang ini ialah bersekutu didalam suatu perjanjian dengan demikian bererti kerajaan British dan kerajaan Persekutuan adalah bersama-sama bertanggungjawab untuk memelihara dan mempertahankan hak-hak Melayu dan Tanah Melayu ini.

Sekiranya kerajaan Melayu dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, membuka peluang Malayan Civil Service itu dengan seluas-luasnya kepada bangsa asing berertilah kerajaan-kerajaan yang berkenaan itu tiada menyempurnakan kewajipan sebagai pemegang amanat kepada bangsa Melayu yang telah menyerahkan sepenuh-penuh kepercayaan dan keyakinan kepadanya. Yang demikian bolehlah dimaknakan kerajaan British bukan memelihara hak-hak Melayu akan tetapi menghapusnya dan bermaknalah pecah harapan. Dengan berlakunya demikian kelak kerajaan British tiadalah boleh menyalahkan orang-orang Melayu jika orang-orang Melayu tiada menaruh kepercayaan lagi kepada kerajaan British dan janji-janji.

Begini juga didalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, adalah menjadi kewajipan kerajaan British memimpin dan melantik orang-orang Melayu supaya dapat berdiri sendiri akan tetapi dengan meluaskan jabatan pentadbir itu kepada bangsa-bangsa asing bererti menutup pintu jabatan pentadbiran kepada orang Melayu yang bererti menyekat orang-orang Melayu dari mendapat latihan mentadbir bagi melayakkan diri berdiri sendiri itu. Kerana bangsa asing sentiasa merebut-rebut jawatan yang tinggi-tinggi itu dan mereka mempunyai banyak orang yang berpelajaran tinggi.

Perhatikanlah waktu kerajaan Persekutuan mempelawa bangsa asing masuk mengambil bahagian didalam askar Persekutuan (Federation Regiment) tiada berapa orang bangsa asing itu telah tahu mahu memasukinya. Akan tetapi waktu kerajaan mengambil pegawai-pegawai bagi rejimen itu telah didapati banyak bangsa asing, terutama Cina lah mengambil dan mendapat peluang itu. Di sinilah menunjukkan bangsa asing terutama Cina lah sentiasa menuju kepada jawatan-jawatan yang di atas dan jawatan

memerintah sahaja.

Dengan demikian, sekiranya jawatan M. C. A. itu dibukakan dengan seluas-luasnya kepada bangsa asing itu haruslah orang-orang Melayu hanya didapati didalam jawatan-jawatan yang rendah-rendah yang tiada diingini oleh bangsa asing itu, sebagai matamat dan ahli-ahli tentera sahaja.

Sekiranya kerajaan British sebenar tulus ikhlasnya kepada orang-orang Melayu dan betul-betul hendak mempertahankan hak-hak Melayu di tanah Melayu ini dan sebenarnya hendak melatih orang-orang Melayu berdiri sendiri mestilah dibuka dengan seluas-luasnya jabatan pentadbiran itu kepada orang-orang Melayu dengan menyempitkan peluang itu kepada bangsa asing. Orang-orang Melayu tidak redha sesuatu perbuatan kerana hendak mengambil hati sesuatu bangsa yang lain hak Melayu yang terkorban.

UMNO Bertindak.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu bersatu (UMNO) ialah sebuah pertubuhan siasah Melayu yang terdiri dari orang-orang Melayu untuk mencapai faedah bagi orang-orang Melayu khasnya dan Malaya amnya. UMNO adalah sedang memperhati dengan bertanya gerak geri bangsa asing di Tanah Melayu ini dan tiada berdiam diri daripada bergerak menentang gerakan-gerakan yang hendak menceroboh hak-hak Melayu itu. Dasar UMNO didalam perjuangannya itu tiadalah bermusuh dengan sesiapa pun hanyasanya adalah UMNO berdiri di atas hak dan keadilan. Usaha UMNO sekarang ialah sambil menggalakkan pertembungan berbaik-baik dengan segala bangsa penduduk dan sedia memberi hak mengikut yang mereka berhak kepadanya itu, adalah hendak mencapai kuasa pertuanan yang terhak kepada orang-orang Melayu sebagai putera bumi Tanah Melayu ini. Tanah Melayu ialah hak Melayu adalah suatu hakikat yang tiada boleh dinafikan oleh sesiapa pun yang sedia mengaku hak bagi sesuatu bangsa itu dan yang mempunyai fikiran keadilan kecuali penceroboh.

Kerana maslahat inilah Majlis Persidangan Agung UMNO di Butterworth pada 14 dan 15 September yang lalu ini,

telah mengambil beberapa keputusan berkenaan dengan hal-hal yang bersangkutan dengan orang-orang Melayu dan hak-haknya yang terceroboh itu. Di antaranya ialah berkenaan dengan lawatan Doktor Persil ke Tanah Melayu dengan tujuan-tujuan yang termaklum itu dan berkenaan dengan kehendak-kehendak meluaskan jawatan Malayan Civil Service kepada bangsa asing itu, telah dibangkang keras oleh persidangan itu. Suatu lagi keputusan telah diambil ialah memohon Duli-duli yang Maha Mulia Sultan-sultan supaya berunding dengan UMNO sebelum sesuatu perkara yang bersangkutan dengan umat Melayu diputuskan dengan pihak British.

Langkah berkehendakkan Raja-raja berunding dengan UMNO lebih dahulu itu adalah bererti Raja-raja itu hendaklah mengambil fikiran rakyat sebelum membuat sesuatu keputusan dengan kerajaan British atas sesuatu perkara yang berkenaan dengan umat Melayu. Kerana nasib umat Melayu adalah terletak di tangan Duli-duli yang Maha Mulia itu. Apa yang berlaku waktu kedatangan Macmichael dahulu itu ialah hasil dari perbuatan Duli-duli yang maha Mulia Raja-raja itu tiada bertanya dan tiada mengambil fikiran rakyat supaya jangan pisang berbuah dua kali. Raja-raja Melayu sangatlah dituntut supaya jangan mengenepikan rakyat dan suara rakyat.

Raja-raja sayogialah sedar akan sambungan bahawa Raja itu adalah rakyat dan rakyat itu Raja. Tiada ada Raja kalau tiada ada rakyat. Begitulah suara Raja itu ialah suara rakyat akan tetapi bagaimakah suara Raja itu boleh bersemangat rakyat jika Raja tiada berdamping dengan rakyat dan tiada mahu mengambil fikiran rakyat. Raja sayogia sedar juga bahawa jika Duli-duli yang Maha Mulia itu mengenepikan rakyat harus ketaatan rakyat kurang dan apa yang berlaku kepada Raja Farouk Mesir itu adalah suatu contoh di atas apa yang boleh berlaku iaitu suatu perkara yang tiada dikehendaki oleh orang-orang Melayu yang masih menaruh kepercayaan dan taat setia kepada Raja-rajanya. Oleh itu apa yang telah diputuskan oleh Majlis Persidangan Agung UMNO itu di dalam hal ini sayogialah diperhatikan dengan

berat oleh Duli-duli yang Maha Mulia dan pihak yang berkuasa

kerajaan British juga.

Apa Perasaan Umat Melayu

Segala kejadian dalam hal siasah Tanah Melayu ini adalah mengandungi perbuatan-perbuatan yang merbahaya kepada bangsa Melayu dan mengugut wujudnya Melayu di tanah airnya. Malangnya umat Melayu sendiri ada yang berkesedaran dan yang masih hidup dengan khayal dan tiada mengambil tahu hal-hal yang berlaku itu. Pihak yang tiada berkesedaran itu tiadalah ternampak apatah lagi terasa bahaya yang mengugut bangsa Melayu itu dan dengan sebab itu tiadalah tergerak perasaan hatinya hendak menyelamatkan dirinya. Pertubuhan kebangsaan tiada diendahkan dan perjuangan bangsa Melayu itu tiada pun menarik perhatian mereka. Mereka lebih suka tinggal di luar pagar dan menjadi beban dan setengah-setengahnya menjadi halangan kepada pergerakan kebangsaan ketinggalan. Mereka itu adalah melemahkan kekuatan perjuangan kebangsaan Melayu yang berkehendakkan tenaga dan kerjasama bangsanya yang boleh dan bersatu itu.

Sebaliknya perasaan umat Melayu yang berkesedaran di atas hal ehwal yang berlaku daripada gerak geri bangsa asing itu adalah menaikkan darah umat kebangsaannya yang meruap dan sedia akan menghadapi sebarang apa juga yang harus berlaku di dalam perjuangan mereka mempertahankan bangsa tanah air dan hak-haknya. Sekiranya semua umat Melayu sama-sama berkesedaran nescaya timbulah satu perasaan yang sama dan gerakan serentak – gerakan mempertunjukkan marahnya yang tiada tersabar lagi.

Umat Melayu yang berperasaan itu adalah memandang dengan cemburu dan di atas gerak geri bangsa-bangsa asing dan layanan-layan kerajaan terhadap bangsa asing dan orang-orang Melayu sekarang ini. Sikap orang-orang Melayu yang demikian ini ialah suatu sikap yang mesti ada kepada suatu bangsa yang berkesedaran dan bersemangat kebangsaan yang semulajadi. Sikap yang demikian juga ialah suatu sikap yang hak

dan berperikemanusiaan.

Orang-orang Melayu yang berkesedaran cukup sedar bahawa tiada ada siapa yang akan menyelamatkan bangsa Melayu dan hak-hak Melayu itu melainkan ialah bangsa Melayu sendiri oleh itulah kebulatan tenaga dan kerjasama bangsa Melayu sangat dikehendaki dan semangat kebangsaan Melayu itu diutamakan untuk mengumpulkan orang-orang Melayu yang berperasaan bertanggungjawab di atas dan tanah airnya.

Tiadalah harian sikap orasng Melayu yang demikian ini dicemburui oleh bangsa-bangsa asing yang tiada gemar melihat bangsa Melayu hidup sebagai sesuatu bangsa yang berkuasa di tanah airnya dan yang berdaulat dengan demikian telah dituduh orang-orang Melayu hendak berkaum-kaum. Akan tetapi yang menghairankan ialah perasaan cemburu yang yang seumpama itu telah ditunjukkan oleh seorang Melayu yang menjadi pemimpin sebuah pertubuhan segala bangsa yang mempunyai dasarnya menentang dengan kehendak dan perjuangan bangsa Melayu. Pimpinan itu telah membuang kebangsaan yang telah berapa lama yang dianjurkannya tetapi itulah kebangsaan yang telah beberapa lama diperintahkan oleh bangsa asing untuk menghapuskan kebangsaan Melayu dan untuk menghapuskan dakwa Tanah Melayu untuk Melayu itu. Yang peliknya ialah ahli-ahli pertubuhan bangsa-bangsa yang dikatakan tidak berdasar perkauman itu itulah yang lebih-lebih lagi meutamakan kaum bangsanya dan menggalakkan perasaan perkauman. Perhatikanlah siapakah yang telah mempunyai utusan dari Malaya ini pergi mengadap Generalissimo Chiang Kai-Shek di Pirmusa dan berikrar taat setia kepada kerajaan kebangsaan Cina itu. Siapakah yang telah menyambut Doktor Persil untuk menyiasat hal chawal orang-orang Cina di Malaya ini. Tidakkah hal ini menunjukkan kaum itu sangat meutamakan bangsanya dan kaumnya. Kepada kaum inilah pimpinan pimpinan itu telah meletak kepercayaan dengan membuang kepercayaan kepada bangsanya sendiri dan mencela-cela serta memburukkan sikap bangsanya yang bergantung kepada bangsanya sendiri itu.

Sungguhnya perbuatan pimpinan kaum yang tiada berbangsa

itu adalah sangat-sangat merosakkan perasaan orang Melayu dan itulah yang sebenarnya-menimbulkan perasaan perkauman itu. Bangsa-bangsa asing itu tiadalah begitu tebal muka dan berani berterang-terang tuntutan-tuntutan dan gerak gerinya terhadapa hak-hak Melayu itu melainkan setelah pimpinan itu sendiri membuka jalan dan menjelma menjadi bangsa bangsa Malayanya itu. Dengan adanya demikian daripada gerak geri perbuatan bangsa asing yang menggunakan fikiran pimpinan yang telah berpaling tадah daripada bangsanya sendiri itu, adakah bangsa Melayu pula hendak disalahkan dan diburuk-burukkan manakala mereka telah mengambil sikap yang teguh berdasarkan kebangsaannya yang sejati dan dikuatkan oleh perasaan marah dan cemburu kepada hak dan maslahat bangsanya yang hak dengan sebenar-benarnya itu?

Hendak Hidup atau Mati?

Sudahlah tiba masanya, bagi orang-orang Melayu amnya sedar akan hal yang berlaku di dalam negerinya daripada gerak geri bangsa asing itu dan gerak geri setengah-setengah bangsanya sendiri. Dengan adanya segala hal yang berlaku ini, adalah kedudukan bangsa Melayu sekarang betul-betul terletak di tengah-tengah simpang jalan di antara hidup dan mati. Sekiranya bangsa Melayu menuju kepada jalan hidup, hiduplah bangsa Melayu dan sekiranya bangsa Melayu menuju jalan mati, habis perkara.

Akan tetapi mengapakah bangsa Melayu mesti mati? Orang-orang Melayu ialah suatu umat yang mempunyai bangsa sendiri, tanah air sendiri, bahasa sendiri dan Raja sendiri.

Mengapakah mesti mati? Umat Melayu mesti hidup sebagaimana hidupnya bangsa-bangsa yang berkemajuan dan berkemerdekaan di muka bumi ini. bangsa Melayu mesti hidup dengan nama bangsanya sendiri dan tanah airnya sendiri yang bertuan kepada bangsa sendiri.

Akan tetapi bagaimakah bangsa Melayu mesti hidup?

Inilah suatu soal yang mesti dijawab oleh orang-orang

Melayu sendiri.

Yang demikian ialah bangsa Melayu mestilah memahamkan kejadian-kejadian yang berlaku di dalam negerinya dengan betul-betul dan menguatkan semangat kebangsaannya serta bergerak atas dasar-dasar kebangsaan yang kuat. Bangsa Melayu mestilah mempelajari dari gerakan-gerakan bangsa-bangsa yang merdeka di sekelilingnya seperti Indonesia, India, Pakistan, Celon dan Burma.

Bangsa Melayu mestilah kuatkan kekuatan pertubuhan kebangsaan dan berjuang sebagaimana bangsa-bangsa yang telah mencapai kemerdekaan berjuang. Bangsa Melayu jangan terpedaya dengan segala dakyah, apatah lagi ikut gertak dan celaan-celaan yang memburukkan sikap Melayu itu. hendaklah dijadikan segala yang demikian itu suatu penggalak bagi menguatkan perdirian umat Melayu dan kesatuan bangsanya.

Orang-orang Melayu yang belum sedar dan yang masih berdiri di luar pagar, sayogialah bersegera mempertahankan keadaan-keadaan yang berlaku dan perjuangan bangsanya yang berkehendakkan tenaga dan kerjasama bangsanya yang sepenuh itu. Orang-orang Melayu mestilah bersatu faham, bersatu tujuan dan bersatu perdirian.

Kemerdekaan Malaya itu hendaklah dijadikan suatu benda yang mesti direbut oleh orang-orang Melayu dengan tenaga dan kebolehan bangsa Melayu sendiri. Kemerdekaan Malaya yang sedang menjadi rebutan bangsa Melayu itu mestilah dicapai oleh orang-orang Melayu sebelum dicapai oleh orang lain.

Bergerak kepada jalan yang demikian ini dengan semangat kemerdekaan dan cita-cita kemerdekaan yang berasas atas kebangsaan Melayu yang sebenar itulah cara yang betul-betul hendak hidup bagi orang-orang Melayu. Jika tidak, bersedia lah bagi menerima nasib yang lebih buruk daripada yang dirasai oleh orang-orang Melayu hari ini. Yang bererti mati. Oleh demikian sigayalah tiap-tiap orang-orang Melayu bertanya kepada dirinya, adakah ia hendak hidup atau mati?